

29 APR 1999

Rafidah-Azizah

RAFIDAH PERSOAL SEMANGAT PATRIOTISME WAN AZIZAH

Oleh: Salmy Hashim

SAN FRANCISCO, 29 April (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Seri Rafidah Aziz Rabu mempersoalkan kesetiaan Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail kepada negara kerana berpaling ke negara lain untuk memperjuangkan masalahnya.

Rafidah membidas Wan Azizah yang beralih ke negara seperti Filipina dan Indonesia untuk mendapatkan sokongan dan mempersoalkan patriotismenya.

"Patriotisme bentuk apakah itu? Apabila orang lain memburukkan negara kita, naluri pertama kita ialah bangun untuk mempertahankan negara. Jika sesuatu tidak betul, anda patut mengkritik secara dalaman," katanya.

Rafidah berkata demikian semasa menjawab soalan seorang ahli perniagaan Amerika di sini yang ingin mengetahui mengenai situasi politik di Malaysia dan bertanya jika parti Keadilan yang dipimpin oleh Wan Azizah adalah pembangkang yang kuat bagi UMNO pada pilihan raya umum akan datang.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang mengakhiri lawatan perdagangan dan pelaburan sembilan hari ke Phoenix, Salt Lake City dan San Francisco pada hari Rabu, berkata bahawa Keadilan bukan lawan yang ditakuti oleh UMNO kerana ia tidak mempunyai cukup penyokong di peringkat akar umbi.

Beliau berkata masih banyak lagi yang perlu dibuat oleh Keadilan dan menggesa Wan Azizah, isteri kepada bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, belajar daripada pengalaman parti Semangat 46 yang dibubarkan.

Walaupun S46, yang diketuai bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah, mempunyai penyokong di peringkat akar umbi serta diperkuatkan oleh beberapa orang terkemuka atau anggota kabinet kanan, ia gagal menjatuhkan kepimpinan UMNO.

"Semuanya telah berakhir. Beliau (Tengku Razaleigh) kini kembali bersama kita. Beliau tidak dapat melakukannya dari luar. Beliau kini balik ke pangkuan kita," kata Rafidah.

Katanya Anwar yang dipilih sendiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai penggantinya tidak muncul daripada kalangan akar umbi dan kini bersendirian dan disokong oleh kakitangan peribadinya dan beberapa anggota peringkat cawangan.

Rafidah menggesa ahli perniagaan Amerika memahami politik Malaysia. "Ia bukan persembahan seorang saja tetapi apa yang kami ada ialah kabinet bersama. Jika seorang mati atau digugurkan, dasar akan diteruskan demi kebaikan negara."

Rafidah marah dengan media barat yang menggambarkan kabinet Malaysia sebagai sekelompok "pak turut".

Beliau membantah gambaran itu dan berkata bahawa beliau lebih rela meletak jawatan daripada menjadi "yes-person" dalam kabinet.

Rafidah berkata media barat mampu membesar-besarkan perkara yang kecil umpamanya dengan menggambarkan Anwar sebagai "pintar ekonomi".

Secara berseloroh menteri itu berkata beliau sepatutnya dianggap sebagai "super pintar" kerana beliau mengajar Anwar mata pelajaran ekonomi semasa Anwar menuntut bidang Pengajian Melayu di Universiti Malaya.

Rafidah berkata Malaysia kini bergerak ke arah pemulihan dan adalah mendukacitakan jika aktiviti yang diterajui oleh seorang boleh menjejaskan aspirasi keseluruhan rakyat yang mahukan kestabilan dan kejayaan untuk negara.

-- BERNAMA

SH LAT MAI

